

28 JUL 2000

Mahathir-Sipadan/I

PM OPTIMISTIK KRISIS TEBUSAN JOLO SELESAI SECARA AMAN

KOTA KINABALU, 28 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melahirkan keyakinan bahawa krisis tebusan Sipadan, yang kini telah berlanjutan lebih tiga bulan, akhirnya akan selesai secara aman.

"Saya berpendapat begitu... ia patut (diselesaikan secara aman) dan bila saya tanya tebusan berkenaan, mereka menyatakan bahawa mereka tidak dilayan dengan buruk," kata perdana menteri yang telah menemui enam tebusan yang dibebaskan di sini malam tadi.

"Ia tidak seperti kes (melibatkan kumpulan Al-Ma'unah) di Perak... mereka (tebusan Sipadan) tidak disiksa atau diapa-apakan seperti itu, cuma mereka ada kena cirit-birit oleh kerana makanan yang mereka makan," katanya pada sidang media sebelum berlepas ke Kuala Lumpur setelah mengakhiri lawatan tiga hari ke negeri ini.

Dr Mahathir berkata walaupun pembebasan 14 lagi tebusan Sipadan, termasuk tiga rakyat Malaysia, mungkin akan mengambil masa, adalah lebih baik untuk bersabar sedikit daripada tergesa-gesa dan menimbulkan banyak masalah.

"Kita perlu kendalikan perkara ini dengan berhati-hati. Kita tidak mahu menyentuh perasaan orang, kita tidak mahu melukakan hati orang kita, malah semua tebusan yang lain," katanya.

Ditanya sama ada beliau kecewa dengan tempoh yang lama diambil dalam menyelesaikan masalah itu, beliau berkata: "Ya, dari satu segi, tetapi apa yang boleh saya buat mengenainya? Kita telah melakukan yang terbaik, kita telah cuba menghubungi mereka tetapi kita patut rasa bersyukur kerana beberapa orang kita telah dibebaskan."

Daripada 21 orang yang dijadikan tebusan oleh kumpulan bersenjata di Sipadan pada 23 April, enam rakyat Malaysia dan seorang wanita Jerman, Renate Wallert, 56, telah dibebaskan.

Rakyat Malaysia itu ialah renjer Jabatan Hidupan Liar Sabah Zulkarnain Hashim, 29, Francis Masangkim, 34, dan seorang lagi kakitangan jabatan itu Baln Krishnan Nair, 34, anggota polis Abdul Jawah Salawat, 39, juruselam Vincent Kwong, 40, dan pembantu tukang masak Lee Hock Leong, 20.

Malam tadi, Dr Mahathir dan isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, berjumpa enam tebusan yang dibebaskan itu dan keluarga mereka serta keluarga tiga lagi rakyat Malaysia yang masih ditawan di kawasan hutan tempat persembunyian kumpulan itu di Pulau Jolo.

Rakyat Malaysia yang masih ditawan ialah juruselam Fong Yin Ken, 28, renjer Jabatan Hidupan Liar Sabah Basilius Jim, 28, dan tukang masak Kua Yu Loong, 21, manakala rakyat asing terdiri dua warga Jerman, dua Afrika Selatan, dua Filipina, dua Perancis dan seorang Lubnan.

Ditanya mengenai langkah untuk menghalang kejadian Sipadan daripada berulang, Dr Mahathir berkata: "Kita telah mengadakan aktiviti keselamatan dan menempatkan lebih banyak orang. Kita akan melakukan apa sahaja yang boleh tetapi kadang-kadang sesuatu perkara berlaku juga betapapun kita berjaga-jaga."

Kepada satu soalan mengenai apa yang dipanggil kemunculan militan Islam di rantau ini, Dr Mahathir berkata: "Memanglah ia kini lebih banyak daripada sebelum ini. Kita harap orang ramai di rantau ini tidak akan terpengaruh dengan aktiviti yang sia-sia ini."

"Tetapi nampaknya, dalam beberapa hal mereka begitu kecewa, begitu dipesongkan, dan begitu dipenuhi kebencian seperti dalam kes kumpulan

Al-Ma'unah ... perkara seperti ini berlaku sedangkan sebelum ini ia tidak pernah berlaku," katanya.

Pada 2 Julai, 15 anggota kumpulan Al-Ma'unah merompak pelbagai senjata api dan peluru dari dua kem tentera di Gerik dan kemudiannya berkubu di Bukit Jenalek, Sauk, dengan 13 lagi anggota yang lain. Mereka membunuh dua tebusan sebelum menyerah diri kepada pasukan keselamatan.

Perdana Menteri juga berkata bahawa perkara seumpama itu bukan hanya berlaku di rantau ini tetapi juga di bahagian-bahagian lain di dunia.

Mengenai peranan yang boleh dimainkan Malaysia untuk mengawal perbuatan militan seumpama itu, Dr Mahathir berkata: "Kita mahu menunjukkan kepada dunia bahawa cara terbaik untuk membantu umat Islam ialah dengan membangunkan negara mereka, membangunkan kemampuan mereka daripada semua segi agar mereka mampu bersaing dengan negara lain di dunia."

Beliau berkata apa yang sebenarnya cuba dilakukan oleh kerajaan Malaysia di negara ini ialah memastikan orang Islam mendapat pendidikan sempurna seperti juga orang bukan Islam untuk mengurangkan perbezaan antara mereka.

"Pada masa yang sama orang lain akan mempunyai rasa hormat yang lebih tinggi terhadap orang Islam kerana mereka tidak terlibat dalam keganasan dan mereka boleh mengambil tempat mereka dalam masyarakat dunia untuk mempengaruhi dunia supaya tidak menindas orang Islam, seperti yang dilakukan sekarang di banyak bahagian dunia," kata Dr Mahathir.

Dr Mahathir juga diminta menjelaskan lebih lanjut ucapan beliau semasa merasmikan persidangan Persatuan Antarabangsa Sejarawan Mengenai Asia semalam, mengenai penaklukan golongan yang lemah oleh mereka yang kuat yang mengakibatkan tindakan balas oleh yang lemah dengan cara menculik, mengebom dan menuntut wang tebusan.

Apabila ditanya oleh seorang wartawan sama ada Perdana Menteri merujuk kepada kejadian baru-baru ini di rantau ini, Dr Mahathir berkata perkara seumpama itu bukan hanya berlaku di rantau ini.

"Apabila yang lemah ditindas, mereka mengambil jalan keluar dengan keganasan, yang mungkin sia-sia, tetapi bagaimanapun ini mungkin satu-satunya jalan. Jadi mereka mengebom Pusat Dagangan Dunia, menyerang Sukan Olimpik, mengebom kapal terbang dan dalam proses itu orang yang tidak bersalah menjadi sasaran," katanya.

-- BERNAMA

JS RHM